



Kad Kredit Maybank myimpact/-i

Soalan Lazim (FAQ)

NOTA: "Kad Kredit Maybank myimpact" merujuk kepada Maybank myimpact Visa Signature Credit Card dan Maybank Islamic myimpact Ikhwan Mastercard Platinum Credit Card-i.

1. Bagaimana rupa Kad Kredit Maybank myimpact?

Visual Kad	Nama Produk
	Maybank myimpact Visa Signature Credit Card
	Maybank Islamic myimpact Ikhwan Mastercard Platinum Credit Card-i

2. Apakah Ciri-ciri Kad Kredit Maybank myimpact?

Ciri-ciri kad termasuk:

Caj Pembiayaan / Keuntungan

- Kadar Faedah / Kadar Untung Berkesan Tidak Berganda
Caj faedah/kadar untung berkesan untuk Kad Kredit Maybank myimpact (di mana dikenakan) dikira berdasarkan jumlah prinsipal sahaja dan tidak termasuk faedah/kadar untung berkesan terkumpul dari tempoh sebelumnya.



- Tiada Caj Lewat Bayar untuk Kad Kredit Maybank/Maybank Islamic myimpact
NOTA: 1% daripada baki tertunggak yang belum dibayar seperti dalam penyata atau minimum RM10, maksimum RM100, yang mana yang lebih tinggi, adalah terpakai untuk Kad Kredit Maybank lain.
- Tiada Yuran Tahunan
Pengecualian seumur hidup bagi kad utama dan Tambahan.

Pulangan Tunai (Cash Back)

- 8% pulangan tunai untuk perbelanjaan di lapan peniaga mesra ESG (Environmental, Social, Governance), terhad kepada RM35 sebulan.

Kod Kategori Peniaga (MCC) Mesra ESG:

	Kategori	MCC	Penerangan MCC
1.	E-hailing & Sewa Kereta	4121	Teksi dan Limousine
		7512	Agensi Penyewaan Kereta
2.	Farmaseutikal & Kesihatan	5912	Kedai Ubat dan Farmasi
3.	Pengecasan EV	5552	Pengecasan Kenderaan Elektrik
4.	Pengangkutan Awam (Kereta Api, Bas, Feri, Skuter Elektrik)	4111	Pengangkutan Penumpang Tempatan & Suburban, termasuk Feri
		4112	Kereta Api Penumpang
		4131	Laluan Bas
5.	Pendidikan	8211	Sekolah Rendah & Menengah
		8220	Kolej, Universiti, Sekolah Profesional dan Kolej Pra-Universiti
6.	Barangan Sukan & Keahlian	5655	Kedai Pakaian Sukan & Berkuda
		5940	Kedai Basikal – Jualan & Servis
		5941	Kedai Barangan Sukan
		7997	Kelab Keahlian (Sukan, Rekreasi, Atletik), Kelab Negara & Padang Golf Persendirian
7.	Perkhidmatan Tenaga Solar	5074	Peralatan Paip & Pemanasan
8.	Kedai Terpakai & Baik Pulih	5931	Kedai Barangan Terpakai
		7622	Kedai Baik Pulih Elektronik
		7629	Baik Pulih Peralatan Elektrik & Alat Kecil
		7699	Kedai Baik Pulih Pelbagai & Perkhidmatan Berkaitan

- 0.5% Pulangan Tunai untuk perbelanjaan runcit lain menggunakan pembayaran tanpa sentuh, Apple Pay / Samsung Pay / Google Pay, terhad kepada RM35 sebulan.



- Pulangan Tunai tidak terpakai untuk Petrol, Penerbangan, Badan/Agensi Kerajaan, Top-up e-Wallet, Cash Advance dan Utiliti.

Penjejak Jejak Karbon dan Pengimbangan Karbon melalui Aplikasi Maybank MAE dan Maybank2u Web

Ahli kad boleh menggunakan Penjejak Jejak Karbon untuk menganalisis setiap transaksi atau kumpulan 16 MCC serupa bagi memahami impak karbon mereka. Ahli kad kemudiannya boleh membuat sumbangan kewangan kepada Inisiatif Penanaman Semula Serantau (membantu meneutralkan kesan pelepasan karbon yang tidak dapat dielakkan) melalui Pengimbangan Karbon.

Sila rujuk Soalan Lazim Penjejak Jejak Karbon & Pengimbangan Karbon Kad Kredit Maybank myimpact untuk maklumat lanjut.

3. Adakah terdapat sekatan untuk ganjaran Pulangan Tunai?

Transaksi berikut tidak dikira dalam pengumpulan Pulangan Tunai:

- Transaksi bagi Maybank EzyCash/-i, Maybank EzyPay Plus/-i, Maybank Ezypay/-i, Cash Treats/-i, Cash Advance, Balance Transfer/-i, Quasi Cash;
- Pembayaran melalui JomPay;
- Transaksi FPX – pembayaran kepada penyedia perkhidmatan;
- Transaksi runcit yang dipulangkan, dipertikaikan, tidak sah atau penipuan;
- Pembayaran bagi yuran transaksi, yuran tahunan kad, bayaran keuntungan, caj lewat bayar, caj pengeluaran tunai;
- Bentuk perkhidmatan atau yuran lain seperti yuran guaman, yuran permintaan cetakan penyata dan lain-lain;
- Perbelanjaan untuk petrol, penerbangan, badan kerajaan, utiliti dan tambah nilai e-dompot.

Sila rujuk kepada Terma dan Syarat Pulangan Tunai Maybank myimpact Credit Card untuk maklumat lanjut.

4. Adakah terdapat sekatan jenis pedagang untuk penggunaan kad saya?

Penggunaan Maybank Islamic myimpact Ikhwan Mastercard Platinum Credit Card-i adalah dilarang di kategori kod pedagang (MCC) yang tidak mematuhi Syariah, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut dan mana-mana pedagang tidak patuh Syariah lain yang akan dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

MCC	Keterangan
5921	Kedai Pembungkusan – Bir, Wain dan Arak
5993	Stor dan Gerai Cerut
7261	Perkhidmatan Pengebumian dan Pembakaran Mayat
7273	Perkhidmatan Janji Temu
7800	Loteri Milik Kerajaan (Wilayah AS sahaja)



7801	Kasino Dalam Talian Berlesen Kerajaan (Perjudian Dalam Talian) (Wilayah AS sahaja)
7802	Lumba Kuda/Anjing Berlesen Kerajaan (Wilayah AS sahaja)
7995	Pertaruhan, termasuklah Tiket Loteri, Cip Perjudian Kasino, Pertaruhan Luar Trek dan Pertaruhan dalam Trek Perlumbaan
9406	Loteri Milik Kerajaan (Bukan Wilayah AS)
9754	Perjudian – Lumba Kuda/Anjing, Loteri Negeri

5. Siapa yang layak memohon kad ini?

- Pemegang Kad Utama: Berumur antara 21 hingga 65 tahun
- Pemegang Kad Tambahan: Berumur antara 18 hingga 65 tahun

6. Apakah syarat minimum pendapatan tahunan?

- Maybank myimpact Visa Signature Credit Card: RM36,000 setahun
- Maybank Islamic myimpact Ikhwan Mastercard Platinum Credit Card-i: RM24,000 setahun

7. Bagaimana cara untuk memohon kad ini?

- Pilihan 1: Memohon secara atas talian melalui laman web kami di www.maybank2u.com.my; atau
- Pilihan 2: Memohon melalui aplikasi MAE; atau
- Pilihan 3: Mengemukakan borang permohonan kad kredit di cawangan Maybank terdekat.

8. Adakah pemegang kad tambahan layak untuk Pulangan Tunai?

Pulangan Tunai akan diberikan kepada Pemegang Kad Utama sahaja, berdasarkan gabungan perbelanjaan Pemegang Kad Utama dan Kad Tambahan.

9. Bagaimana saya tahu jika permohonan kad saya diluluskan?

Pelanggan akan menerima notifikasi sama ada melalui SMS di telefon, atau melalui emel.

10. Saya masih belum menerima Maybank myimpact Credit Card saya, apa yang perlu saya lakukan?

Anda boleh menghubungi Maybank Group Customer Care di 1-800-88-1801 untuk bantuan.

11. Jika transaksi saya dibatalkan / dipulangkan, apa yang akan berlaku kepada Pulangan Tunai saya?

Pulangan Tunai yang telah diberikan akan dibatalkan / ditolak semula mengikut transaksi tersebut.

12. Adakah saya akan memperoleh TreatsPoints bagi kad myimpact saya?

Tidak. Berkuat kuasa 1 Januari 2026, perbelanjaan baru pada Maybank myimpact Credit Cards/-i tidak lagi memperoleh TreatsPoints.



13. Apa yang berlaku kepada TreatsPoints yang telah saya peroleh?

Semua TreatsPoints yang dikumpul sebelum 1 Januari 2026 akan kekal dalam akaun anda dan boleh ditebus seperti biasa.

14. Mengapa TreatsPoints ditamatkan?

Perubahan ini membolehkan kami menumpukan usaha kepada meningkatkan dan mengekalkan manfaat Pulangan Tunai yang lebih baik, terutamanya Pulangan Tunai 8% kekal pada kategori mesra ESG, yang kini menjadi ciri ganjaran utama kad.